

23/10/1998

Perbicaraan Anwar turut guna bahasa Melayu

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis - Perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim atas empat tuduhan rasuah mulai 2 November ini turut membabitkan penggunaan bahasa Melayu walaupun Mahkamah Tinggi menetapkan ia dijalankan dalam bahasa Inggeris.

Hakim Besar Malaya, Datuk Wan Adnan Ismail menjelaskan, perbicaraan kes itu tidak terhad kepada bahasa Inggeris sahaja.

Menurutnya, penggunaan bahasa Inggeris dibenarkan dalam mahkamah demi kepentingan keadilan kerana jurnal atau rekod perundangan yang perlu dirujuk biasanya dalam bahasa itu.

"Penggunaan kedua-dua bahasa ini dalam perbicaraan di mahkamah adalah perkara biasa di negara ini," katanya kepada Berita Harian hari ini apabila diminta mengulas keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur supaya perbicaraan itu diadakan dalam bahasa Inggeris.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk S Augustine Paul pada 5 Oktober lalu memutuskan perbicaraan kes itu dijalankan dalam bahasa Inggeris bagi membolehkan ia diikuti media antarabangsa yang berminat untuk membuat liputan.

Ini adalah ulasan pertama badan kehakiman selepas hampir tiga minggu Paul membuat keputusan yang menimbulkan rasa tidak puas hati beberapa pertubuhan bahasa dan budaya.

Sebelum ini, beberapa pihak, diketuai Persatuan Penulis Nasional (Pena) menyatakan kekesalan kerana langkah itu mengorbankan kedudukan dan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Wan Adnan juga berkata, mahkamah tidak memberi sebarang keistimewaan kepada sesiapa pun dalam pelaksanaan undang-undang atau perbicaraan kecuali pengemukaan hujah oleh pihak pendakwa dan pembela.

Menurutnya, hanya kedua-dua pihak itu berhak bersuara dan berada di meja peguam, manakala orang lain hanya boleh mendengar perbicaraan di galeri awam.

Sehubungan itu, katanya, tidak timbul soal mahkamah perlu memberikan layanan istimewa kepada mana-mana pihak yang tidak terbabit secara langsung dalam perbicaraan.

"Dalam mahkamah tidak ada pihak istimewa. Jika hakim berasakan adanya pihak ini, sedikit sebanyak ia boleh memberi tekanan dalam membuat keputusan. Apa yang penting ada pendakwa dan pembela. Yang lain hanya mendengar," katanya.

Beberapa kumpulan, termasuk Suruhanjaya Antarabangsa Keadilan Mengenai Hak Asasi Manusia dan beberapa ahli Kongres Filipina menyatakan akan mengikuti perbicaraan Anwar bulan depan.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, orang luar boleh menyaksikan perbicaraan itu tetapi tidak akan diberi layanan istimewa sebagai pemerhati. Ia bagi mengelak tekanan kepada sistem kehakiman.

Wan Adnan menjelaskan, mahkamah hanya melantik amicus curiae (rakan mahkamah) jika sesuatu kes perbicaraan itu memerlukan kepakaran tertentu atau sebab-sebab teknikal lain tetapi ia jarang berlaku.

Bagaimanapun, mereka tidak terbabit secara langsung dengan perbicaraan atau keputusan hakim.

"Mahkamah hanya mendengar pendapat mereka," katanya.

(END)